

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

### Jadikan aliran TVET pilihan awal

# Jadikan aliran TVET pilihan awal

Dari Muka 1

"Kita (tafhiz awam dan swasta) ada di merata tempat. Pusat tafhiz yang ada aliran TVET dalam negara kita ini banyak, tapi tidak ada pengurusan secara formal. Sekarang, kita sedang bergerak ke arah menyeragamkan semua pusat tafhiz yang ada dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan TAHFIZ-TVET Malaysia antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) KSM dengan kerjasama JAKIM di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Datuk Hakimah Mohd Yusoff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar.

Awang yang juga Pengerusi MPKK berkata, model latihan TAHFIZ-TVET juga selaras dengan Teras 2 Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 iaitu Mewujudkan Model Institusi Tahfiz'. Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga kini dalam proses mendapatkan penarafan tunggal sijil kemahiran antara Tahap 6 sehingga 8 bagi melestarikan pendidikan pelajar TVET.

"Setakat ini, kita sudah dapat sehingga Tahap 5 (setara Dip-



Awang (kanan) mencuba mengendalikan dron ketika lawatan pameran pada Majlis Pelancaran TAHFIZ-TVET Malaysia di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam.

loma Lanjutan Kemahiran) dan kalau boleh dapatkan Tahap 6 (setara Ijazah Sarjana Muda) juga kepada Tahfiz-TVET ini.

"Kita mahu TVET menjadi pilihan awal kepada ibu bapa berbanding sebelum ini dianggap sebagai peluang akhir dalam tahap pendidikan formal mereka," katanya.

Sementara itu, Hakimah dalam ucapannya berkata, daripada 1,177 tafhiz swasta yang berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri, 100 daripadanya telah melaksanakan

TAHFIZ-TVET. Pada 6 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan bercadang menggubal dasar baharu TVET dengan pelajar sekolah diberi pilihan untuk memilih subjek atau bidang yang ingin diceburi bermula dari Tingkatan Satu.

Ketika ini TVET diajar kepada pelajar selepas mereka tamat Tingkatan Tiga, berbanding dengan negara maju pendidikan teknikal dan kemahiran dimulakan pada awal pendidikan.

Sehubungan itu, Perdana Men-

teri meminta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan agensi berkaitan perlu menjenamakan semula pendidikan TVET bagi menghapuskan persepsi ibu bapa terhadap TVET sebagai pendidikan kelas dua atau tidak relevan.

Beliau berkata, langkah itu penting selepas melihat rekod TVET membuktikan lepasan pendidikan itu bukan sahaja mampu melahirkan pekerja mahir terlatih, malah berupaya mencipta kerja sendiri serta menjadi rebutan majikan.